

GNC ZINC TABLET

Zinc Gluconate(30mg,50mg)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan GNC Zinc
2. Bagaimana GNC Zinc berfungsi
3. Sebelum menggunakan GNC Zinc
4. Cara menggunakan GNC Zinc
5. Semasa menggunakan GNC Zinc
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan GNC Zinc
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan GNC Zinc

Digunakan sebagai suplemen mineral untuk rawatan kekurangan zink

Bagaimana GNC Zinc berfungsi

Zink adalah suplemen mineral yang diperlukan untuk sistem imun yang sihat, fungsi metabolisme, penyembuhan luka dan kesuburan.

Sebelum menggunakan GNC Zinc

- Bila tidak boleh menggunakan
Jangan gunakan GNC Zinc jika anda sensitif terhadap zink atau mana-mana bahan lain yang terkandung dalam ubat ini (disenaraikan dalam maklumat lanjut produk)

- Sebelum mula menggunakan

Kehamilan dan penyusuan

Dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi jika anda mengandung, merancang untuk mengandung atau sedang menyusukan anak sebelum menggunakan sebarang ubat.

Wanita hamil dan ibu menyusui harus mengelakkan dos zink

lebih tinggi daripada jumlah RDA (15 mg / hari untuk wanita hamil, 19 mg / hari untuk wanita menyusui selama enam bulan pertama dan 16 mg / hari untuk wanita menyusui selama enam bulan kedua).

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Pengambilan suplemen zink dengan penicillamine dan tetracycline boleh mengurangkan kesan penicillamine dan tetracycline. Beritahu doktor anda jika anda mengambil ubat lain, termasuk ubat yang anda beli tanpa preskripsi dari farmasi, pasar raya atau kedai makanan kesihatan.

Cara menggunakan GNC Zinc

-Berapa banyak harus digunakan

Ambil satu tablet sekali sehari

- Bila perlu digunakan

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda.

- Berapa lama perlu digunakan

Teruskan penggunaan GNC Zinc untuk tempoh masa yang ditetapkan oleh doktor atau ahli farmasi anda.

Zink yang diambil dalam jumlah besar atau untuk jangka masa panjang mungkin berbahaya.

- Jika terlupa menggunakan

Rujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda tentang apa yang perlu dilakukan jika anda terlupa menggunakan ubat ini.

Ambil dos yang tertinggal sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos yang tertinggal dan kemudian teruskan mengambil ubat mengikut jadual seperti biasa. Jangan ambil dos berganda

untuk menggantikan dos yang tertinggal.

- Jika menggunakannya secara berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika anda atau sesiapa terambil dos berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

Semasa menggunakan GNC Zinc

- Perkara yang perlu dilakukan

Ambil ubat anda mengikut arahan doktor. Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan GNC Zinc. Beritahu doktor anda dengan segera sekiranya anda hamil semasa mengambil ubat ini.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan berhenti mengambil ubat melainkan jika dinasihatkan oleh doktor anda. Jangan mula mengambil sebarang ubat baru tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda. Jangan beri GNC Zinc kepada sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau keadaan yang sama dengan anda.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Jangan mengambil lebih daripada dos yang disyorkan tanpa berbincang dengan doktor. Berhati-hati apabila memandu atau menggunakan jentera sehingga anda tahu bagaimana GNC Zinc mempengaruhi anda.

GNC ZINC TABLET

Zinc Gluconate(30mg,50mg)

Kesan-kesan sampingan

- Dos zink sehingga 100 miligram sehari kebiasaannya ditoleransi baik oleh pengguna. Dos yang lebih tinggi boleh menyebabkan kesan sampingan seperti penurunan tahap kolesterol HDL.
- Kesan sampingan yang paling kerap adalah loya, muntah dan ketidakselesaan gastrousus.
- Kesan sampingan yang lain termasuk rasa logam, sakit kepala dan mengantuk.
- Suplemen zink yang berlebihan dan berpanjangan boleh menyebabkan kekurangan kuprum dan anemia.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web npra.moh.gov.my [Consumers → Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)].

Cara penyimpanan dan pelupusan GNC Zinc

-Penyimpanan

- Simpan di tempat kering di bawah suhu 25 ° C.
- Lindungi daripada cahaya dan kelembapan.
- Jauhi daripada kanak-kanak.

- Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

- Rupa dan warna produk

GNC Zinc 50mg Tablet

Tablet bulat berwarna putih dengan skor di tengah.

GNC Zinc 30mg Tablet

Tablet bulat berwarna putih

- Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif

GNC Zinc 50mg Tablet

-Zinc gluconate 50mg

GNC Zinc 30mg Tablet

-Zinc gluconate 30mg

- Bahan-bahan tidak aktif

Microcrystalline cellulose, croscarmellose sodium, calcium hydrogen phosphate, stearic acid, silicon dioxide, magnesium stearate.

-Nombor MAL

GNC Zinc 50mg Tablet

MAL06061547X

GNC Zinc 30mg Tablet

MAL06100585X

Pengilang:

Nutra Manufacturing, LLC.
1050, Woodruff Road,
Greenville, South Carolina
29607, USA.

Pemegang

Pendaftaran

Produk:

ONI Global (Malaysia) Sdn Bhd
No. 8, Jalan 6/91,
Taman Shamelin Perkasa,
Batu 3 ½, Jalan Cheras 56100
Kuala Lumpur.

Tarikh kemas kini RiMUP:

04/02/2021

Nombor Siri:

NPRA(R4/1)270121/00002